

Headline	Frim menang Emas di MTE 2013		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	127 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 699
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,096



Frim menang Emas di MTE 2013

Teknologi

BARU-baru ini, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) memenangi pingat Emas di Ekspos Teknologi Malaysia (MTE) 2013 bagi penyelidikan ke atas penggunaan serat makanan atau fraksi kaya polisakarida daripada mengkudu.

Ketua Penyelidik, Dr Nik Musa'adah Mustapha berkata, mengkudu atau noni atau nama saintifiknya *Morinda citrifolia* telah diekstrak sebagai serat makanan, seterusnya berfungsi sebagai ejen pengawalan kandungan gula dalam darah.

"Kami mendapati bahawa serat makanan dalam mengkudu ini boleh merencangkan aktiviti alfa-amilase, iaitu enzim yang terlibat dengan penceraaan karbohidrat.

"Oleh itu, ia mempunyai potensi untuk mengawal kandungan glukosa dalam darah selepas makan yang selalunya dikaitkan dengan peningkatan risiko komplikasi penyakit kencing manis," katanya.

Menurutnya, fraksi kaya polisakarida ini juga boleh dimasukkan ke dalam produk makanan dan kesihatan.

"Ia lebih baik berbanding jus, puri atau ekstrak air buah mengkudu kerana tidak mempunyai bau atau rasa yang tidak menyenangkan," katanya.

Dalam pada itu, dua produk makanan kesihatan berdasarkan fraksi polisakarida mengkudu telah berjaya dibangunkan, iaitu

biskut serat berkhasiat dan minuman kopi putih Le' Natura.

Dua produk tersebut dibangunkan oleh Nourish Care Sdn Bhd yang ditubuhkan pada 2008 di bawah Program Pembangunan Bio-Usahawan Siswazah Frim-MTDC (FMBioSis).

Sementara itu, selain inovasi berkenaan, sempena MTE 2013 lalu, Frim menghantar lima penyertaan lain iaitu Hibrid Venir Kayu Palma Beralur (ChyPaWV) dan memenangi pingat perak; Pembuatan Pulpa dan Kertas dari Batang Kenaf Malaysia (perak); Indeks Pengukuran Ketenangan Minyak Gaharu (perak); Ekstrak Piawai Cucur Atap (Baeckea frustescens) untuk gout (gangsa) dan Venir Kayu Palma Terjurutera (EPAWV) (gangsa).